



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) amat berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dan Kementerian Kewangan Malaysia kerana memperkenalkan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bernilai RM15 bilion.

Sepertimana Pengumuman Khas PERMAI oleh YAB Perdana Menteri, sebanyak 22 inisiatif akan dilaksanakan dengan berteraskan kepada tiga matlamat utama iaitu memerangi wabak COVID-19; memelihara kebajikan rakyat dan menyokong kelangsungan perniagaan.

MOT amat gembira kerana antara mereka yang turut mendapat manfaat daripada PERMAI ini ialah pemain-pemain dalam industri pengangkutan antaranya;

### **Inisiatif 15: Menyediakan Bantuan Kewangan One-Off kepada Pemandu Teksi dan Bas.**

- Bantuan kewangan 'one-off' sebanyak RM500 dengan peruntukan tambahan sebanyak RM66 juta.
- Diberikan kepada 14 ribu pemandu pelancong, 118 ribu pemandu teksi, bas sekolah, bas persiaran, kereta sewa dan e-hailing.
- Para pemohon boleh membuat permohonan masing-masing menerusi Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD). Maklumat lanjut akan diberitahu oleh APAD dalam masa terdekat.
- Sehingga kini, rekod terdahulu menunjukkan terdapat kira-kira 600 pemohon yang layak tetapi masih belum berdaftar dengan APAD, sekaligus menyukarkan proses penyaluran bantuan dibuat.

Selain itu, Kerajaan kini memberi layanan pengecualian duti eksais dan cukai jualan bagi tujuan pindah milik, pelupusan dan kegunaan persendirian teksi dengan syarat kenderaan dimiliki selama lima (5) tahun, berbanding tujuh (7) tahun sebelum ini. Syarat yang dilonggarkan ini akan bermula 1 Januari hingga 31 Disember 2021.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## Inisiatif 21: Memperkenalkan Skim Rehabilitasi Sewa Beli Bas dan Teksi

- Syarikat Jaminan Pinjaman Perniagaan akan memperkenalkan Skim Rehabilitasi Sewa Beli Bas dan Teksi.
- Sebanyak 50 peratus jaminan ke atas pinjaman akan disediakan bagi bas terpilih seperti bas persiaran dan teksi daripada syarikat sewa beli dan pajakan.
- Membolehkan pengusaha bas dan teksi menstruktur semula pinjaman mereka serta menikmati moratorium selama 12 bulan dan pembayaran balik bulanan yang lebih rendah.
- Jaminan sebanyak RM1 bilion akan disediakan untuk tujuan ini.

MOT berharap PERMAI ini akan memberi satu kelegaan dan nafas baharu kepada rakyat Malaysia secara menyeluruh khususnya kepada pemain-pemain dalam industri pengangkutan dalam mengharungi waktu sukar akibat pandemik COVID-19.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**18 JANUARI 2021**

**-TAMAT-**

---

### Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

### Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)  
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [sua@mot.gov.my](mailto:sua@mot.gov.my)  
[unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

